

**TITAH
SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
YANG KE 53 TAHUN**

**BERTEMPAT
DI PENGKALAN TENTERA UDARA DIRAJA BRUNEI, RIMBA**

**PADA HARI KHAMIS
2 SYA'BAN 1435 BERSAMAAN 31 MEI 2014**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir rahmannir rahim

Alhamdulillah Hirabil Alamin, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunyaa Waddien, Was-Salatu wasallamu 'Alla Ashrafil Mursalain Sayddina Muhammadin Waaalaalhi Wasahbihee Ajma'een, Wa Ba'du.

Beta bersyukur kehadiran Allah swt diatas limpah rahmatnya, mengizinkan kita berhimpun pada pagi ini bagi memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke 53 tahun.

Dikesempatan ini kita akan mengenang kembali jasa-jasa yang pernah dicurahkan oleh seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang selama ini tidak pernah mengabaikan tanggungjawab menjaga dan memelihara keamanan Negara.

Kita bersyukur kerana dapat menikmati keamanan tersebut. Suasana aman ini menjadi kan kita lebih selesa dan giat membangun. Tanpa keamanan semua kebajikan akan sukar dicapai, inilah rahsia keamanan sayugia kita mesti menyayangnya. Sebagai kurnia Allah kita wajib bersyukur memiliki tanah air yang aman, mantap lagi makmur tidak ada nikmat yang lebih besar dari ini. Namun kita jangan lupa disebalik kesenangan yang kita ada, terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi, cabaran-cabaran itu berpotensi untuk mengganggu gugat Negara dan kehidupan. Maka dalam keadaan ini pada hemat beta kesedaran mestilah ditanam untuk menangkis segala gangguan yang ada atau yang mungkin datang dengan tiba-tiba.

Bercakap mengenai gangguan ini sama ada ia belaku didalam atau datang daripada luar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah cukup usia 53 tahun itu adalah satu-satunya tonggak pertahanan kita. Kerana itu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei perlu lebih mantap dan hebat serta tinggi prestasi untuk menangani hambatan-hambatan semasa mahupun dalam peranannya untuk menjalin kerjasama-kerjasama serantau dan antarabangsa.

Segala usaha untuk meningkatkan keupayaan hendaklah dirancang dengan lebih sistematik berasaskan kepada prinsip "*race, train and sustain*" agar kita lebih yakin untuk melaksanakan tanggung jawab operasi dengan berkesan dan efisien. Turut dimaklumi bahawa pertahanan itu adalah satu keutamaan yang memerlukan sumber tenaga dan perbelanjaan yang besar namun lebih dipentingkan ialah kesedaran mengawal peraturan-peraturan kewangan dan *financial accountability* bagi

menghindarkan pembaziran. Dalam makna, perbelanjaan dan perolehan adalah perlu dibuat dengan bijaksana bukannya dengan mengambil jalan pintas melibatkan perbelanjaan yang sia-sia.

Sebagai institusi besar dan dinamik adalah wajar bagi setiap bahagian dan unit untuk terus peka dengan perancangan masing-masing dengan mengikut arus pemikiran diperingkat Strategik. Antara langkah *pro-active* diperingkat pengurusan ialah pendekatan menyeluruh melalui keadaan pensejajaran dan menjadikannya sebagai budaya kerja yang mantap dan tidak lepas pandang terhadap wawasan dan tujuan pertahanan.

Beta yakin pensejajaran dan misi yang jelas adalah mampu untuk menyuntik semangat dan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Penglibatan Angkatan Bersenjata kita diperingkat antarabangsa adalah sebagai menghargai hubungan baik dengan negara-negara sahabat iaitu satu dasar diplomasi pertahanan yang jitu.

Demikian juga kita menyokong usaha kerjasama terutama dalam rangka Asean iaitu sebagai meningkatkan lagi keyakinan dan jaminan untuk keselamatan bersama. Dengan matlamat ini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan maju setapak lagi dalam usahanya meningkatkan kerjasama ketenteraan serantau iaitu apabila kelak kita menjadi tuan rumah kepada *Asia Pacific Chief of Defence Conference* pada tahun ini.

Beta sentiasa yakin akan kemampuan kita setelah terlibat dalam operasi-operasi menjaga keamanan serantau dan antarabangsa. Seperti dalam misi pasukan pemantauan antarabangsa di Mindanau Filipina dan pasukan Interim Bangsa Bangsa Bersatu di Lebanon.

Untuk akhirnya kita tidak lupa menghargai peranan perwira-perwira kita dalam menjaga dan memelihara keselamatan serta terlibat secara aktif mengharumkan nama baik negara dipersada antarabangsa. Begitu juga kepada seluruh warga tentera dimana saja mereka berada beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala sumbangan bakti mereka itu kepada Negara.

Sekian, Wabilahit Taufeq Walhidayah
Wassalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.